

**PERPUSTAKAAN UTM SARAWAK**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

## **KERTAS PROJEK PAD 355**

***PERANAN SEKOLAH TUNAS BAKTI KUCHING DALAM  
PEMULIHAN AKHLAK JUVANA DISARAWAK***

**NAMA PELAJAR : WAN SHAIFUL BAHRI BIN WAN HASSAN ( 91938422)  
DYG. HAMDIAH BT. ABANG HADARI ( 91936371)  
YAMAN BIN HASSAN ( 91936396 )  
JASMINE EDMUND ANDREW ( 91938486)**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM ( PJJ) SEMESTER 8 1995**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 1995**

**NAMA PENSYARAH : EN. NASRUDDIN BIN MOHAMAD**

## **KANDUNGAN**

### **1. PENGENALAN KEPADA SEKOLAH TUNAS BAKTI KUCHING**

Sekilas Pandang	1
Sejarah Sekolah Tunas Bakti Kuching sepintas lalu	2
Matlamat sekolah Tunas Bakti	3
Penerangan Aktiviti	3
Kumpulan Sasaran	3
Syarat Kemasukan	4
Tempoh Tahanan	4
Penyeliaan Lesen dan Lanjutan	4
Proses Kemasukan ke Institusi	5
Sistem Pemarkahan Sekolah Tunas Bakti Kuching	5
Penentuan Gred dan Panduan Memberi Markah	6
Lembaga Pelawat	8
Carta Organisasi Sekolah Tunas Bakti Kuching	9

### **2. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH S.T.B KUCHING**

A. Penjagaan dan Perlindungan	10 - 12
B. Kaunselling dan Bimbingan	12
C. Pelajaran	13 - 14
D. Latihan Vokasional	15 - 22
E. Riadah	22 - 24
F. Keistimewaan	25 - 26

### **3. JADUAL WAKTU HARIAN SEKOLAH TUNAS BAKTI**

27 - 28

### **4. LAMPIRAN TEMURAMAH**

Temuramah	Pegawai Akhlak - En. Micheal Teo	(i - vi)
	Pelajar-pelajar S.T.B	(vii - xxx)
	Pengetua S.T.B - En. Abg. Othman Ang. Hj. Gom	(xxxii - xxxii)

### **5. STATISTIK KES DAN BILANGAN PELAJAR SEKOLAH TUNAS BAKTI KUCHING**

### **6. LAMPIRAN CONTOH-CONTOH ARAHAN PENAHANAN DAN LAPORAN PEGAWAI AKHLAK**

## **SEKILAS PANDANG**

Sekolah Tunas Bakti Kuching, Sarawak adalah sebuah sekolah yang berfungsi sebagai sekolah tahanan juvana lelaki dan terletak di sebidang tanah yang luasnya hampir 25 ekar di km 2, Jalan Datuk Mohamad Musa , Kota Samarahan.

Tujuan institusi ini didirikan adalah untuk memulihkan anggota masyarakat yang rosak akhlak agar mereka dapat menyesuaikan diri semula ke dalam masyarakat. Di samping itu, institusi ini juga menempatkan belia-belia yang tidak terkawal dan yang memerlukan penjagaan dan perlindungan.

Institusi ini mempunyai sebuah blok pentadbiran, sebuah blok kelas akademik dan Bilik Mesyuarat, 4 blok bengkel latihan, 6 blok asrama termasuk sebuah bilik tahan sementara, sebuah Dewan Makan dan Dapur, sebuah padang bolasepak, bola keranjang, tenis dan sepak takraw serta satu kawasan pertanian, 4 buah kuarters dan 2 buah berek panjang. 5 pintu juga ditempatkan di dalam Institusi untuk kegunaan kakitangan Institusi.

Struktur pentadbiran Sekolah Tunas Bakti Kuching adalah dibawah Perkhidmatan Pemulihan Akhlak dibawah tanggungjawab Pengarah Perkhidmatan Pemulihan Akhlak di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Malaysia. Kementerian Kebajikan Am Sarawak membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di atas perkara-perkara seperti pelaksanaan dasar, pengurusan kakitangan dan kewangan.

## **SEJARAH SEKOLAH TUNAS BAKTI KUCHING SEPINTAS LALU**

- 1948 - Sarawak Boy's HomeS, Kuching telah ditubuhkan sebagai projek perintis di Sg. Priok, Jalan Pending, Kuching
  
- Ogos 1948 - Warden pertama dilantik
  
- Ogos 1948 - Pengawalan dan pentadbiran institusi diserahkan oleh Jawatankuasa Penasihat bagi kebajikan sosial kepada Jabatan Pelajaran
  
- Nov 1951 - Penguasa Penjara mengambilalih pengawalan dan pentadbiran institusi
  
- Jan 1964 - Institusi (Rumah Budak Laki-Laki) diserahkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat, Malaysia
  
- 1967 - Kementerian Kebajikan Am Negeri dipertanggungjawabkan membantu Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia atas pentadbiran, dasar dan kakitangan di institusi.
  
- Julai 1971 - Rumah Budak Laki-laki berpindah dari Sg. Priok, Jalan Pending Kuching ke tempat yang ada sekarang.
  
- 29 Jun 1972 - Rumah Budak Laki-laki yang baru dirasmikan pembukaannya oleh Yg. Berhormat tan Sri Fatimah bt. Hasim, Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia.
  
- 1983 - Nama Rumah Budak Laki-laki ditukarkan kepada Sekolah Tunas Bakti, Kuching

## LEMBAGA PELAWAT

Sekolah Tunas Bakti Kuching mempunyai sebuah Lembaga Pelawat yang terdiri dari 16 orang ahli yang mana ahli-ahlinya dilantik dari kalangan anggota masyarakat oleh Y.B. Menteri. Mereka bertanggungjawab bagi:

- menjamin perjalanan urusan institusi yang licin dan cekap
- membantu dalam rancangan rawatan dan pemulihan keseluruhannya
- mengkaji semula dari masa ke semasa mengenai kemajuan juvana
- membebaskan juvana dibawah penyeliaan lesen.

Pada asasnya, Lembaga Pelawat mengambilalih peranan yang dimainkan oleh Persatuan IbuBapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah biasa. Ahli Lembaga dipilih daripada masyarakat awam dan memegang berbagai status dan jawatan dalam masyarakat. Keahlian adalah secara sukarela dan mereka dilantik untuk tempoh dua tahun. Ianya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan 13 orang ahli biasa. Perlantikan keahlian dilakukan oleh Menteri Kebajikan Sosial atas syor Pengarah Sekolah Tunas Bakti Kuching selepas penapisan pencalonan yang dikemukakan kepada Pengarah oleh kakitangan Sekolah Tunas Bakti Kuching. Perlantikan Ahli Lembaga Pelawat juga adalah atas keupayaan mereka untuk menyumbang daripada segi perkhidmatan, kebendaan dan tenaga.

Tugas hakiki Lembaga Pelawat ialah untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti Sekolah berjalan dengan lancar. Tenaga ahli juga digunakan untuk mendapatkan bantuan-bantuan daripada pihak luar dari segi kewangan dan kebendaan, selain bantuan kewangan daripada Kerajaan. Bantuan-bantuan tersebut akan diperuntukan kepada Sekolah Tunas Bakti apabila diperlukan. Pada keseluruhannya, 80% daripada fasiliti dan alat-alat atau barangan yang diperlukan oleh Sekolah Tunas Bakti dibekalkan oleh ahli-ahli Lembaga sendiri.